

PENGARUH KOMPETENSI KEUSAHAWANAN TERHADAP TINGKAHLAKU INOVATIF

Mohd. Asri bin Ispal
Mohd Khata bin Jabor

ABSTRAK


Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti hubungan di antara kompetensi keusahawanan terhadap tingkahlaku inovatif. Responden yang terlibat dalam kajian ini ialah guru pra-perkhidmatan (pelajar) yang sedang mengikuti pengajian Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPG). Seramai 413 orang pelajar PISMP telah dipilih daripada beberapa buah IPG di seluruh Malaysia. Instrumen soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumbalas responden terhadap konstruk-konstruk yang dikaji. Instrumen untuk mengukur konstruk kompetensi keusahawanan telah dibangunkan sendiri oleh pengkaji. Instrumen untuk mengukur tingkahlaku inovatif adalah ubahsuai daripada Messmann & Mulder (2012). Analisis pengesahan faktor peringkat kedua (*second order confirmatory factor analysis*) digunakan untuk mendapatkan indeks padanan model hipotesis dengan data kajian. Modifikasi model dilakukan untuk mendapatkan nilai indeks padanan yang baik (*good fit*) dalam menentukan model pengukuran konstruk kompetensi keusahawanan dan tingkahlaku inovatif. Semua model pengukuran digabungkan untuk membentuk model persamaan struktural. Dapatan kajian menunjukkan kompetensi keusahawanan mempunyai hubungan langsung yang positif dengan tingkahlaku inovatif. Beberapa implikasi kajian dikemukakan dalam penyelidikan ini khususnya dalam penyediaan bakal guru yang inovatif.

Kata kunci: *Kompetensi Keusahawanan, Tingkahlaku Inovatif, Pendidikan Guru*

1.1 PENGENALAN

Kajian lepas telah membuktikan tingkahlaku inovatif merupakan penyumbang kepada peningkatan prestasi (Chan & Amran, 2014; Bjornali & Storen, 2012; Messmann & Mulder, 2012; Nik Azida et al, 2010). Walau bagaimanapun, dalam konteks pendidikan, kajian terhadap aktiviti yang menjurus kepada tingkahlaku inovatif, penyertaan guru dalam proses dan pembangunan inovasi masih kurang (Messman *et al.*, 2010). Selain itu, guru menghadapi beberapa kekangan untuk meletakkan tingkahlaku inovatif sebagai pencetus kreativiti dan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Nemeržitski *et al.*, (2013) menyatakan bahawa faktor yang menjadi penghalang kepada guru mempamerkan tingkahlaku inovatif ialah persepsi terhadap keyakinan mereka cenderung untuk tidak inovatif.

Tujuan kajian ini ialah untuk mengenalpasti pengaruh kompetensi keusahawanan terhadap tingkah laku inovatif. Kajian untuk mengenalpasti kesan kompetensi keusahawanan terhadap tingkah laku inovatif dalam organisasi di semua peringkat amat sedikit dan sukar ditemui dalam literatur (Bjornali & Storen, 2012; Mitchelmore & Rowley, 2010). Berikut ialah kerangka konsep kajian yang dikemukakan:



Rajah 1 : Model hipotesis kajian

1.2 KOMPETENSI KEUSAHAWANAN

Secara umumnya, kompetensi merupakan piawaian untuk melaksanakan sesuatu tugas dengan spesifik. Konsep kompetensi menggabungkan elemen pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri tertentu yang harus dimiliki oleh seseorang individu untuk melaksanakan tugas yang diarahkan dengan berkesan (Rao, 1997). Kompetensi yang dimiliki oleh seseorang mempunyai hubungan secara langsung dengan prestasi kerja (Rao, 1997; Spencer & Spencer, 1993). Sekiranya seseorang pekerja memiliki kompetensi yang tinggi, maka prestasi kerja yang dihasilkan juga adalah tinggi.

Dalam kajian lepas, kompetensi mempunyai banyak definisi (Hayton & McEvoy, 2006; Hoffman, 1999). Istilah “kemahiran”, “kepakaran”, “kepintaran” dan “kecekapan” adalah saling berkaitan dan kerap kali istilah silih berganti (Mitchelmore & Rowley, 2009; Smith & Morse, 2005). Istilah kompetensi asalnya digunakan dalam bidang pendidikan untuk menjelaskan tingkahlaku guru pelatih (Mitchelmore & Rowley, 2009). Istilah itu digunakan secara meluas dan banyak dibincangkan dalam bidang pengurusan terutamanya di Amerika Syarikat (Boyatzis, 1982). Kompetensi tidak dilihat sebagai senarai tugas yang perlu dilaksanakan tetapi lebih kepada kebolehan seseorang dalam melaksanakan tugas yang diberikan. Boyatzis (1982) membangunkan model kompetensi dengan melibatkan dua ribu pengurus dan telah mengenalpasti lebih 100 ciri kompetensi untuk pengurus. Dam *et al.* (2010) menjelaskan kompetensi sebagai ciri-ciri peribadi individu yang akan menyumbang kepada prestasi kerja. Dam *et al.* (2010) mengelaskan kompetensi keusahawanan kepada tiga dimensi, iaitu pengetahuan, sikap dan kemahiran. Kombinasi ketiga-tiga dimensi kompetensi tersebut diperlukan untuk menghasilkan pencapaian yang cemerlang sebagai usahawan yang berjaya. Walau bagaimanapun, sehingga kini belum ada senarai kompetensi keusahawanan yang boleh digunakan secara sejagat (Man dan Lau, 2000).

Terdapat beberapa kajian terdahulu yang mengaitkan keusahawanan dengan pendidikan guru (Norasmah dan Rasmuna, 2012; Zaidatol Akmaliah dan Bagheri, 2011; Zaidatol Akmaliah dan Bagheri, 2010; Sarimah *et al.*, 2010; Dam *et al.*, 2010). Kemahiran keusahawanan dalam kalangan warga pendidik adalah mustahak kerana menjanjikan potensi besar dalam membentuk modal insan yang inovatif khususnya apabila berhadapan dengan cabaran pendidikan semasa (Zaidatol Akmaliah dan Bagheri, 2011; Dam *et al.*, 2010).

Abd. Rahim *et al.* (2001) menjelaskan, antara kompetensi keusahawanan yang perlu dibentuk melalui pendidikan keusahawanan ialah keperluan untuk pencapaian, kepimpinan, kreatif, berkeyakinan, mempunyai hubungan jalin, berinisiatif, mengambil risiko, berimajinasi dan berkeupayaan menganalisa. Dam *et al.* (2010) menjelaskan, kompetensi keusahawanan yang relevan dengan pendidikan guru untuk membentuk tingkahlaku keusahawanan ialah pengetahuan keusahawanan, efikasi sendiri, pemikiran kreatif, kerja berpasukan, kebolehsuaian dan kemahiran jaringan. Kepentingan penguasaan kompetensi keusahawanan semakin dirasai keperluannya apabila wujud masalah penggangguran yang semakin meruncing (Norasmah dan Rasmuna, 2012). Menurut mereka lagi, pendedahan kompetensi keusahawanan melalui pendidikan memberi peluang yang terbaik kepada pelajar melengkapkan diri dengan pengetahuan dan kemahiran keusahawanan sebelum memasuki pasaran kerjaya.

Dalam kajian ini, konstruk kompetensi keusahawanan adalah menggunakan model pendidikan keusahawanan yang dibangunkan oleh Dam *et al.* (2010) dan telah diubahsuai berdasarkan konteks pendidikan guru di Malaysia. Konstruk yang dikaji ialah pengetahuan asas keusahawanan, pemikiran kreatif, kebolehsuaian, kemahiran jaringan dan komunikasi. Kombinasi kompetensi tersebut diperlukan oleh seseorang guru dalam usaha untuk membentuk intelektual, emosi, sosial dan semangat pelajar (Ali *et al.*, 2012). Penyelidik telah membangunkan item-item soal selidik untuk mengukur setiap konstruk tersebut.

1.3 TINGKAHLAKU INOVATIF

Tingkahtlaku inovatif didefinisikan sebagai aktiviti yang dilakukan oleh seseorang sepanjang proses inovasi (Messmann *et al.*, 2010). Menurut Janssen (2000), tingkahtlaku inovatif merupakan perlakuan seseorang untuk melakukan sesuatu kreativiti dan inovasi yang melangkaui jangkaan termasuklah penerimaan, penghasilan dan pelaksanaan idea-idea baharu. Kanter (1988) mendakwa bahawa langkah pertama setiap proses inovasi ialah mengenalpasti peluang dalam konteks yang pelbagai merangkumi rakan-rakan, penyelia, pelanggan, peraturan, sumber, kemudahan, peralatan dan kewangan. Oleh itu, ruang lingkup peluang merangkumi daripada bahagian yang kecil sehinggalah keseluruhan organisasi. Peluang wujud apabila terdapat keinginan untuk membangunkan sesuatu perkara.

Dalam konteks pendidikan, Messmann *et al.* (2010) menjelaskan bahawa tingkahtlaku inovatif merangkumi aktiviti luar dan dalam bilik darjah yang berkaitan dengan inovasi iaitu penerokaan peluang, penjanaaan idea, promosi idea, dan merealisasikan idea. Tingkahtlaku inovatif boleh jadi kaedah pengajaran baharu, perubahan dalam proses kerja seorang guru dan pelajar, kolaborasi dalam kalangan guru ataupun tugas baharu guru. Tingkahtlaku inovatif tidak hanya berlaku semasa aktiviti pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah sahaja tetapi merangkumi konteks yang luas iaitu juga di luar bilik darjah (Tuomi, 2007). Aktiviti-aktiviti tersebut adalah mengenalpasti idea-idea baru untuk menangani cabaran dan menghadapi masalah di sekolah sebagai fungsi utama. Interaksi dalam kalangan pelajar dalam saling menyokong antara satu dengan yang lain sangat mempengaruhi dalam merealisasikan idea (Jong & Hartog, 2010; Janssen *et al.*, 2004; Kleysen & Street, 2001; Scott & Bruce, 1994).

1.4 METODOLOGI

Sampel Kajian

Seramai 413 orang pelajar PISMP semester 6 telah dipilih di enam IPG di seluruh Malaysia.

Instrumen Kajian

Instrumen soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumbalas responden terhadap konstruk-konstruk yang dikaji. Instrumen untuk mengukur konstruk kompetensi keusahawanan telah dibangunkan sendiri oleh pengkaji, manakala instrumen tingkahtlaku inovatif diubahsuai daripada Messmann & Mulder (2012).

Analisis Kajian

Analisis pengesahan faktor peringkat kedua (*second order confirmatory factor analysis*) digunakan untuk mendapatkan indeks padanan model hipotesis dengan data kajian. Modifikasi model dilakukan untuk mendapatkan nilai indeks padanan yang baik (*good fit*) dalam menentusahkan model pengukuran konstruk kompetensi keusahawanan, tingkahtlaku inovatif dan seterusnya membentuk model persamaan struktural (SEM). Semua model pengukuran digabungkan dalam analisis SEM untuk menentusahkan padanan model akhir dengan data kajian.


1.5 DAPATAN KAJIAN

1.5.1 Analisis diskriptif

Bilangan sampel kajian ialah 413 orang pelajar PISMP semester 7 di enam IPG seluruh Malaysia. Daripada jumlah tersebut, 162 orang (39.2%) lelaki dan 251 orang (60.8%) perempuan. Bilangan pelajar yang mengkhusus dalam bidang Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) ialah 124 orang (30%). Manakala pelajar yang mengkhusus dalam bidang selain RBT ialah 289 orang ataupun 70%.

Analisis Model Pengukuran

1.5.2.1 Model Pengukuran Konstruk Kompetensi Keusahawanan




*kr – pemikiran kreatif; kp – kerja berpasuka; nt – jaringan; ad – kebolehsuaian; pn - pengetahuan

Rajah 1 : Model Pengukuran Kompetensi Keusahawanan

Rajah 1 menunjukkan model pengukuran bagi konstruk kompetensi keusahawanan setelah melalui modifikasi untuk mendapatkan nilai padanan. Petunjuk padana ialah Chi Square/df = 2.373, RMSEA = 0.058, CFI = 0.945, TLI = 0.938, dan GFI = 0.904 menunjukkan padanan yang baik model modifikasi dengan data kajian.

1.5.2.2 Model Pengukuran Konstruk Tingkahlaku Inovatif



*MPeluang – mengenalpasti peluang; MjIdea – menjana idea; MrIdea – merealisasikan idea


Rajah 2 : Model Pengukuran Tingkahlaku Inovatif

Rajah 2 menunjukkan model pengukuran bagi konstruk tingkahlaku inovatif setelah melalui modifikasi untuk mendapatkan nilai padanan. Petunjuk padana ialah Chi Square/df = 1.260, RMSEA = 0.025, CFI = 0.935, TLI = 0.922, dan GFI = 0.965 menunjukkan padanan yang baik model modifikasi dengan data kajian. Setelah modifikasi model dilakukan, dimensi mempromosikan idea telah digugurkan kerana mempunyai nilai multikolineariti yang tinggi dengan dimensi lain. Dimensi yang dikekalkan untuk analisis seterusnya ialah mengenalpasti peluang, menjana idea dan merealisasikan idea.

1.5.2.2 Analisis Persamaan Struktur

Rajah 3 menunjukkan model persamaan struktur setelah melalui proses modifikasi. Nilai petunjuk padanan model akhir ialah, Chi Square/df = 2.637, RMSEA = 0.063, CFI = 0.988, TLI = 0.978, dan GFI = 0.982 menunjukkan padanan yang baik model modifikasi dengan data kajian.

Nilai $R^2 = 0.67$ menunjukkan bahawa 67% varians tingkahlaku inovatif pelajar PISMP dapat dijelaskan oleh kompetensi keusahawanan. Nilai $\beta = 0.82$ untuk analisis kesan langsung Kompetensi Keusahawanan terhadap Tingkahlaku Inovatif. Dimensi (sub-konstruk) tingkahlaku inovatif dalam model asal terdiri daripada mengenalpasti peluang, menjana idea, mempromosi idea, dan merealisasikan idea. Dimensi menjana idea digugurkan setelah modifikasi model untuk mendapatkan nilai padanan yang baik (*good fit*). Dimensi untuk konstruk kompetensi keusahawanan kekal seperti model asal.



Rajah 3: Model Akhir

1.6 PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Tujuan kajian ini dilakukan ialah untuk mengenalpasti hubungan kompetensi keusahawanan dan efikasi sendiri dengan tingkahlaku inovatif. Secara umumnya, keputusan daripada analisis kajian menunjukkan bahawa kompetensi keusahawanan dan efikasi sendiri mempunyai hubungan secara langsung yang positif. Dapatan daripada analisis ini mengesahkan dapatan kajian terdahulu iaitu kompetensi keusahawanan yang terdiri daripada pengetahuan, kemahiran dan sikap keusahawanan (Allen & van der Velden, 2011; Mitchelmore & Rowley, 2010) akan menyumbang kepada pembentukan tingkah laku inovatif (Bjornali & Storen, 2012). Individu yang memiliki kompetensi keusahawanan sentiasa kreatif dalam meneroka dan membangunkan idea inovatif dan mengenalpasti peluang-peluang keusahawanan (Shook et al., 2003) mempunyai potensi untuk beroleh kejayaan melalui pengeksploitasian produk, perkhidmatan dan proses yang baru (Zahra et al., 1999).

Kajian ini memberi implikasi dalam penyediaan pelajar PISMP khususnya untuk melahirkan bakal guru yang kompeten dan inovatif. Elemen pendidikan keusahawanan untuk membentuk kompetensi keusahawanan perlu diterapkan sama ada secara formal ataupun tidak formal. Pelajar yang tidak berpeluang mengkhusus dalam mata pelajaran RBT sebagai major dicadangkan mengambil kursus keusahawanan sebagai mata pelajaran elektif. Selain itu, penyertaan dalam aktiviti ko-kurikulum yang menjurus kepada aktiviti keusahawanan perlu juga diberi penekanan. Kesimpulannya, pendidikan keusahawanan perlu diterapkan dalam kurikulum pendidikan guru kerana mempunyai kesan langsung terhadap pembentukan pelajar yang memiliki tingkah laku inovatif.

RUJUKAN

- Abd. Rahim Bakar, Zaidatol akmaliah Lope Pihie, Mohd. Majid Konting & Genevieve Klang Angking. (2001). The Perceived Entrepreneurial Characteristics of Malaysian Living Skill Teachers: Implication for Teacher Preparation Programme. *Pertanica J. Soc. Sci. & Hum.* 9(2) pp 123-129
- Ali K., Zohreh, S., & Nia R.G. (2012). The indoor school professional development project and teachers professional competency. *Procedia-Social and Behavioral Sciences.* 46, pp 998-1001.
- Bjornali, E.S. & Storen, L.A. (2012). Examining competence factors that encourage innovative behaviour by European higher education graduate professionals. *Journal of Small Business and Enterprise Development.* Vol 19 No 3 pp 403-423.
- Boyatzis, R. (1982). *The competent manager: A Model for Effective Performance.* New York: Wiley.
- Chan, T.L. & Amran Rasli. (2014). The relationship between innovative work behaviour on work role performance: an empirical study. *Social and Behavioral Sciences*, 129, pp 592-600.
- Dam, K.V., Schipper, M., & Runhaar, P. (2010). Developing a competency-based framework for teachers' entrepreneurial behavior. *Teaching and Teacher Education.* 26. pp 965-971.
- Hayton, J.C. & McEvoy, M. (2006). Guest editor's note. *Human Resource Management.* 45(3), pp 291-294.
- Hoffman, T (1999). The meaning of competency. *Journal of European Industrial Training.* 23(6). pp 275-285.
- Janssen, O. (2000). Job demands, perceptions of effort-reward fairness and innovative behaviour. *Journal of Occupational and Organisational Psychology*, 73, pp 287-302.
- Janssen, O., Van de Vliert, E., & West, M. (2004). The bright and dark sides of individual and group innovation: A special issue introduction. *Journal of Organisational Behavior*, 25, pp 129-145.
- Jong, J.E., & Hartog, D. (2010). Measuring innovative work behaviour. *Creativity and Innovation Management.* 19(1), pp 23-36.
- Kanter, R.M. (1988). When a thousand flowers bloom: structural, collective and social conditions for innovation in organizations. *Research in Organizational Behaviour*, 10, pp 169-211.
- Kleysen, R. B & Street, C.T. (2001). Toward a multi-dimensional measure of individual innovative behaviour. *Journal of Intellectual Capital.* 2(3), pp 284-296.

- Man, T.W.Y. & Lau, T. (2000), Entrepreneurial competencies of SME owner/managers in the Hong Kong services sector: a qualitative analysis, *Journal of Enterprising Culture*, 8(3), pp. 235-54.
- Messmann, G. & Mulder, R.H. (2012). Development of a measurement instrument for innovative work behaviour as a dynamic and context-bound construct. *Human Resource Development International*. 15(1), pp 43-59.
- Messmann, G., Mulder, R.H., & Gruber, H. (2010). Relations between vocational teachers' characteristics of professionalism and their innovative work behavior. *Empirical Research in Vocational Education and Training*. 2(1), pp 21-40.
- Mitchelmore, S. & Rowley, J. (2009). Entrepreneurial competencies: a literature review and development agenda. *International Journal of Entrepreneurial Behaviour & Research*. 16(2), pp 92-111.
- Nemeržitski, S., Loogma, K., Heinla, E., & Eisenschmidt. (2013). Constructing model of teachers' innovative behaviour in school environment. *Teachers and Teaching: Theory and Practice*. 19(4), pp 398-418.
- Nik Azida Abd Ghani, Tengku Ahmad Badrul Raja Hussin & Kamaruzaman Jusoff. (2009). The impact of psychological empowerment on lecturers' innovative behaviour in Malaysian private higher education institutions. *Canadian Social Science*. 5(4), pp 54-62
- Norasmah Othman & Rasmuna Hussain. (2012). Evaluation of the implementation of the Module Basic of Entrepreneurship in College Community Ministry of Higher Education. 2nd *International Conference on Economics, Trade and Development IPEDR*. 36. pp 96-100.
- Rao, M.S. (1997). The entrepreneurial competency index: an assessment tools for financial institutions. *Journal of Entrepreneurship*, 6(197), pp 197-208.
- Reuvers, M., Van Engen, M.L., Vinkenburg, C.J., & Wilson-Evered, E. (2008). Transformational leadership and innovative work behaviour: exploring the relevance of gender differences. *Creativity and Innovation Management*, 17(3), pp 227-244.
- Sarimah Che Hassan, Norlizah Che Hassan & Nor Aisyah Buang. (2010). Penguasaan kemahiran insaniah (kemahiran keusahawanan) dalam kalangan guru sekolah di Malaysia. *Proceedings of the 4th International Conference on Teacher Education: Join Conference UPI & UPSI*, Bandung, Indonesi, 8-10 Nov. 2010.
- Scott, S.G., & Bruce, R.A. (1994). Determinations of innovative behavior: a path model of individual innovation in the workplace. *Academy of Management Journal*. 37, pp 580-607.
- Smith, B. & Morse, E. (2005). *Entrepreneurial Competencies: A Literatur Review and Best Practices*. Small Business Policy Branch, Industry Canada, Ottawa.

Shook, C.L., Priem, R.L. & McGee, J.E. (2003). Venture creation and the enterprising individual: A review and synthesis. *Journal of Management*. 29 (3), pp 379-399.

Spencer, L. & Spencer, S. (1993). *Competence at work: Model for Superior Performance*. Wiley, New York.

Tuomi, I. (2007). Learning in the age of networked intelligence. *European Journal of Education*. 42, pp 235-254

Zaidatol Akmaliah Lope Pilie & Bagheri, A. (2010). Entrepreneurial Attitude and Entrepreneurial Efficacy of technical secondary school students. *Journal of Vocational Education & Training*, 62(3), pp 351-366.

Zaidatol Akmaliah Lope Pilie & Bagheri, A. (2011). Teachers' and students' entrepreneurial self-efficacy: Implication for effective teaching practice. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*. 29. pp 1071-1080